

PENDEKATAN PRAKTIKAL UNTUK MENYEDIAKAN RANG PERMULAAN

1. Senaraikan isu-isu terkini dan implikasinya

- Senaraikan isu-isu berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan.
- Sila ketengahkan sebab-sebab kebimbangan, implikasi-implikasinya dan cadangan-cadangan penyelesaian (jika ada).
- Senaraikan pihak-pihak yang mungkin berkepentingan.

(Lihat Lampiran A – Senarai Perkara Yang Diberikan Perhatian)

2. Rujukan undang-undang

- Kaji bagaimana bidang kuasa, terutama sekali Singapura, Malaysia dan negara Komanwel lain, menangani isu-isu atau perkara tersebut sama ada secara pentadbiran atau melalui undang-undang.
- Jika dicadangkan bagi undang-undang untuk dikenakan, kumpulkan undang-undang (*softcopy* dan *hardcopy*) bidang kuasa (negara) tersebut yang telah dikenal pasti untuk digunakan sebagai rujukan.

3. Kaji rujukan undang-undang

- Baca, kaji dan fahami setiap peruntukan dan kaitkan dengan isu-isu yang akan ditangani dan pertimbangkan samada peruntukan itu dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

4. Penyediaan rang permulaan

- Rang permulaan tidak perlu sempurna selagi semua peruntukan yang berkaitan terdapat di dalamnya.
- Peruntukan yang berkaitan bermakna peruntukan yang mempunyai asas atau penjelasan bagi peruntukan itu dimasukkan dalam rang permulaan.
- Jika ketidakpastian timbul berkenaan dengan sesuatu peruntukan itu, ini boleh diketengahkan dalam rang itu sendiri dalam bentuk nota.

5. Jadual Undang-Undang Perbandingan.

- Jadual Undang-Undang Perbandingan boleh disediakan pada masa yang sama apabila rang permulaan disediakan.
- Jadual ini sangat berguna untuk membantu Kementerian dan juga Pejabat Peguam Negara untuk memahami sumber peruntukan-peruntukan yang dicadangkan.

(Lihat Lampiran B – TABLE OF COMPARATIVE LEGISLATION)

6. Perbincangan dalaman

- Perbincangan di antara pihak-pihak yang berkepentingan di dalam organisasi adalah digalakkan bagi menyemak dan menguji penerimaan rang permulaan sebagai satu dokumen bagi mencerminkan dasar Kerajaan.

7. Kelulusan pada prinsipnya daripada Pengarah dan Kementerian

- Kelulusan pada prinsipnya daripada Pengarah dan Kementerian yang berkenaan hendaklah diperolehi untuk mengesahkan rang permulaan.

8. Kerjasama

- Perbincangan di antara pihak-pihak yang berkepentingan, jika ada, di luar organisasi adalah juga digalakkan. Ini memastikan kerjasama mereka semasa menguatkuasakan undang-undang di masa hadapan dan kepentingan mereka tidak terjejas.

9. Kelulusan pada prinsipnya daripada Kementerian Kewangan

- Kelulusan pada prinsipnya daripada Kementerian Kewangan hendaklah diperolehi jika rang permulaan itu mengandungi peruntukan kewangan yang melibatkan komitmen kewangan dari pihak Kerajaan.

10. Rang permulaan diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara

- Rang permulaan kini boleh diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara untuk pertimbangan dan penelitian. Persuratan yang dihadapkan mestilah melampirkan dokumen-dokumen yang berikut –
 - (i) Lampiran A seperti yang disebutkan dalam perenggan 1;
 - (ii) Lampiran B seperti yang disebutkan dalam perenggan 5; dan
 - (iii) Dokumen-dokumen sokongan.

LAMPIRAN A

SENARAI PERKARA YANG DI BERIKAN PERHATIAN

1. *Pada masa ini Kementerian/Jabatan ini menghadapi beberapa isu berkaitan dengan [nama perkara terbabit]*
2. *Kementerian/Jabatan ini merujuk kepada undang-undang [nama undang-undang yang dirujuk] yang mungkin sesuai kerana*
3. *Agensi lain yang akan dibabitkan termasuk*
4. *Pihak Kementerian tiada halangan bagi Jabatan ini menghadapkan rang ini kepada Pejabat Peguam Negara.*
5.
6.

LAMPIRAN B**TABLE OF COMPARATIVE LEGISLATION**

| section | [Name of proposed draft legislation] | section | Legislation based [benchmark] | Reason for departure from benchmark |
|---------|--------------------------------------|---------|-------------------------------|-------------------------------------|
| 1. | | | | |
| 2. | | | | |
| 3. | | | | |
| 4. | | | | |
| 5. | | | | |
| 6. | | | | |
| 7. | | | | |
| 8. | | | | |
| 9. | | | | |
| 10. | | | | |
| 11. | | | | |
| 12. | | | | |
| 13. | | | | |
| 14. | | | | |
| 15. | | | | |
| 16. | | | | |
| 17. | | | | |
| 18. | | | | |
| 19. | | | | |
| 20. | | | | |